

16 AUG 2002

Mahathir-Jumaat

ORANG PAS BEREPUT NAK JADI KHATIB KETIKA DR MAHATHIR BERSOLAT JUMAAT

KUALA TERENGGANU, 16 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kesal dengan insiden perebutan untuk menjadi imam dan khatib semasa beliau menunaikan solat Jumaat di Masjid Losong Haji Mat Shafie di sini hari ini.

Perdana Menteri berkata kejadian seumpama itu tidak sepatutnya berlaku di kalangan masyarakat Islam di negara ini terutama di masjid yang merupakan tempat untuk orang Islam beribadat.

"Hari ini saya bersyukur kerana dapat sembahyang Jumaat di Masjid Losong. Apabila dengar saya nak pergi sembahyang di situ, orang Pas ini cuba nak menyampaikan khutbah sebabnya ialah supaya dapat memburuk-burukkan tetamu yang datang di masjid itu," katanya.

Perdana Menteri menceritakan kejadian itu semasa berucap pada majlis penyerahan kunci serta penyerahan surat tawaran projek perumahan keluarga nelayan Terengganu di Kampung Tok Jembal di sini.

Dr Mahathir dan pemimpin-pemimpin Umno menunaikan sembahyang Jumaat di Masjid Losong Haji Mat Shafie di sini selepas majlis perasmian konvensyen Barisan Nasional Terengganu dan perjumpaan pemimpin bersama rakyat di Marang, dekat sini.

Kejadian perebutan membabitkan seorang dipercayai penyokong Pas yang dibantu beberapa individu, yang mendesak untuk menjadi khatib bagi membaca khutbah Jumaat di masjid itu dan menggantikan khatib tetap masjid berkenaan.

Bagaimanapun, perkara itu dapat diselesaikan dengan baik apabila khatib tetap masjid itu meneruskan tugas membaca khutbah Jumaat manakala lelaki berkenaan menjadi Imam.

Perdana Menteri ketika menceritakan kejadian itu kepada hadirin, berkata apabila orang berkenaan tidak berjaya menjadi khatib, dia berebut pula nak jadi imam.

"Tak berjaya nak jadi khatib, tak berjaya nak menyampaikan khutbah, dia berebut untuk jadi imam tetapi kita orang Umno terima, kita tidak tolak imam Pas. Kalau dia jadi imam, kita sembahyang di belakang imam kerana ini adalah ajaran agama kita," kata Dr Mahathir.

Beliau berkata sikap orang Umno yang boleh menerima imam daripada kalangan anggota Pas, berbeza dengan pengikut parti pembangkang itu yang sanggup mengasingkan orang Islam dan tidak menerima imam yang dilantik oleh kerajaan.

Dr Mahathir berkata masjid sebenarnya tempat orang Islam berkumpul dan menjalin persaudaraan serta merapatkan hubungan sesama umat Islam, dan bukannya tempat untuk berperang atau berkelahi sesama Islam.

"Saya nak tanya Pas di mana dia belajar bahawa masjid adalah tempat orang Islam berperang? Tetapi inilah yang dilakukan oleh Pas dengan dua imamnya dan percubaan hari ini untuk merebut tempat nak jadi khatib nak menyampaikan khutbah sedangkan sudah ada khatib di situ," katanya.

Beliau berkata sikap mengasingkan diri dan sembahyang di belakang imam masing-masing bukannya ajaran Islam tetapi adalah ajaran Pas sebagai satu cara untuk memecah belahkan orang Islam.

Ketika diminta mengulas lanjut mengenai kejadian itu pada persidangan berita selepas majlis di Kampung Tok Jembal itu, Perdana Menteri berkata sebenarnya imam yang bertugas untuk sembahyang Jumaat pada hari ini telah ada dan oleh itu kejadian itu tidak sepatutnya berlaku.

"Tak eloklah kalau berebut-rebut. Orang yang datang ini sebab dia selalu pergi sembahyang di situ, kenapa hari ini tiba-tiba dia nak jadi

imam.

"Yang ini saya tak faham, berebut ini sebab apa, kita orang Islam, kita tak boleh membuat tindakan macam itu," katanya.

Pada perkembangan lain, Dr Mahathir berkata kerajaan akan melaksanakan projek perumahan kepada golongan yang berpendapatan rendah secara berperingkat-peringkat di seluruh negara.

Beliau berkata langkah itu adalah untuk memberi peluang kepada golongan itu memiliki rumah sama ada bagi mereka yang tinggal di bandar atau luar bandar.

"Ya, kita memang pun dah ada perancangan untuk menempatkan orang yang berpendapatan rendah dalam bandar dan luar bandar...Dalam bandar kita bina rumah bertingkat-tingkat, luar bandar kita hendak rakyat dapat hidup lebih sempurna tinggal dalam rumah yang lebih selesa," katanya.

Dr Mahathir berkata pada peringkat awal, program perumahan itu dilaksanakan di Terengganu dengan peruntukan sebanyak RM300 juta.

Beliau berkata melalui program itu, golongan berpendapatan rendah dapat memiliki rumah melalui pinjaman dengan potongan RM100 sebulan selama 22 tahun.

Seramai 200 nelayan menjadi kumpulan pertama menikmati kemudahan itu di sini.

-- BERNAMA
MRA MRA MOZ